

26/10/1999

Anwar tuduh Daim antara ketua komplot palsu bukti

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu mahkamah hari ini, Tun Daim Zainuddin yang didakwa terbabit dalam salah laku seksual dan rasuah membawa keluar wang berbilion ringgit serta menyeludup wanita ke negara ini menerusi jet peribadinya.

Anwar yang memberi keterangan membela diri, berkata Daim adalah salah seorang ketua komplot yang memalsukan bukti untuk membuat tuduhan meliwat ke atasnya.

Beliau berkata demikian di depan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Ariffin Jaka berhubung contoh kesalahan yang dilakukan Daim sehingga menimbulkan permusuhan ketat di antara mereka.

Anwar yang memberi keterangan secara bersumpah memberitahu mahkamah, dia bertemu Daim setiap hari sebelum bermula mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Kepada soalan peguam belanya, Christopher Fernando, apakah yang berlaku dalam pertemuan itu, Anwar berkata: Tun Daim memaklumkan saya di pejabat saya bahawa ada pertemuan susulan beliau (Daim) dengan AG (Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah). Beliau sekali lagi menasihatkan saya letak jawatan bagi menggelakkan keluarga mendapat malu. Saya bantah sekerasnya kepada Tun Daim.

Fernando: Apa bantahan yang Datuk Seri katakan kepada Tun Daim?

Anwar: Saya pertikaikan mengapa Tun Daim beriya-iyanya merancang hal itu dengan AG. Sehingga masa itu, saya tidak mendapat maklumat dan siasatan.

Saya beritahu Tun Daim kenapa beliau begitu lancang untuk membuat pembbohongan mengenai salah laku seksual dan rasuah terhadap saya kerana menjadi pengetahuan umum, beliau membawa keluar berbilion ringgit dan menggunakan jet peribadinya membawa wanita luar negara melalui saluran orang kenamaan tanpa pemeriksaan kastam dan imigresen.

Bagaimanapun, Ariffin memutuskan keterangan mengenai salah laku seksual dan rasuah Daim tidak mempunyai kaitan dengan tuduhan yang dihadapi oleh Anwar.

Anwar berkata, beliau juga memberitahu Daim supaya tidak membuat pembbohongan itu kerana dia akan mendedahkan keburukannya yang kini dilindungi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Mohtar.

Kepada soalan Fernando untuk memberi contoh kesalahan Daim, Anwar berkata: Tun Daim ada memohon untuk membeli sebuah bank iaitu Hock Hua (Sabah) Bhd yang pada awalnya tidak diluluskan tetapi atas arahan Perdana Menteri kemudian ia diluluskan.

Fernando: Apakah sikap Datuk Seri ketika itu.

Anwar: Saya mengikut nasihat Bank Negara yang melahirkan pandangan ada percanggahan kepentingan kerana Tun Daim ketika itu Penasihat Ekonomi Kerajaan. Tun Daim juga memohon nama bank itu ditukar kepada The International Bank of Malaysia tetapi dibantah oleh Bank Negara. Bagaimanapun diluluskan juga atas arahan Perdana Menteri.

Fernando: Apakah sikap Datuk Seri ketika itu?

Anwar: Saya mengikut nasihat Bank Negara supaya tidak meluluskan cadangan Tun Daim, saya tidak setuju dengan cadangan itu.

Fernando: Adakah Tun Daim senang hati dengan Datuk Seri?

Anwar: Tun Daim tidak begitu gembira tetapi beliau berterima kasih dengan saya. Pada masa yang sama, beliau mengadu Bank Negara menjalankan siasatan ke atas banknya.

Menjawab soalan Fernando, Anwar berkata, contoh lain permusuhan di antara mereka berdua adalah apabila dia membuat laporan kepada Perdana Menteri mengenai tindakan Daim mengambil lebih 400 juta saham amanah tanpa sebarang kos.

Katanya, Perdana Menteri tidak mengambil sebarang tindakan terhadap Daim selepas dia membuat aduan itu.

Anwar berkata, dia mendapat tahu Daim ada bertemu Ummi Hafilda Ali dan pertemuan itu disahkan oleh Daim sendiri apabila bersemuka dengannya.

"Daim ada membuat pengesahan secara bertulis mengenai pertemuan dengan Ummi Hafilda itu. Saya juga tahu Ummi Hafilda, Ziela Jalil dan Azizan Abu Bakar ada menemui Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

"Perkara ini dimaklumkan oleh Polis Cawangan Khas kepada saya. Saya juga tahu Ummi Hafilda dan Azizan ada menemui Dr Ristina Majid.

Kepada soalan Fernando, Anwar memberitahu mahkamah bahawa beliau tahu buku bertajuk 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM disediakan dan diedarkan oleh pejabat yang sebelum ini dimiliki oleh Abdul Rahim.

Katanya, dia ada membaca buku itu yang menyifatkannya sebagai "manusia yang jelik" dan ia diterbitkan sebelum Perhimpunan Agung Umno pada 18 hingga 21 Jun 1998.

Anwar berkata, buku itu dimasukkan dalam beg sebahagian daripada perwakilan sebelum perhimpunan itu bermula bertujuan untuk memburukkan imej serta cuba menjatuhkannya.

Dia berkata, ramai perwakilan membangkitkan serta mengecam fitnah dan percubaan komplot itu.

"Saya merasa jelik tetapi tidak terkejut sebab sebelum itu (1997) sudah ada percubaan mengedar surat layang," katanya.

Mengenai surat layang itu, Anwar memberitahu mahkamah Perdana Menteri menyerahkan surat yang ditulis oleh Ummi Hafilda bertajuk Perihal Salah Laku Seks Timbalan Perdana Menteri dan menyuruhnya membaca serta memusnahkannya.

Sementara itu, perbincangan diberhentikan pada jam 12 tengah hari selepas Anwar mengadu sakit kepala.

Bagaimanapun, apabila mahkamah bersambung pada jam 2.15 petang, Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Rozilah Salleh memberitahu perbincangan ditangguhkan esok kerana Anwar dihantar untuk mendapat rawatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

(END)